

Beliau menghabiskan seluruh tahun 1973 menjelajah Selangor merakamkan dalam fotografi segala imej kehancuran alam sekitar yang ditemuinya acapkali. Semua gambar tersebut dilengkapi dengan maklumat statistik tentang kesan-kesannya terhadap hidup manusia. Pada ketika inilah beliau mula menghabiskan olahan fotografi dengan menonjolkan masalah-masalah pencemaran.

Pencemaran, 1973 (koleksi pelukis) yang dipamerkan pada kulit depan dalam keluaran ini mengandungi 12 foto yang merakamkan kehancuran alam sekitar dan pencemaran udara di sekitar Kuala Lumpur. Gambar-gambar tersebut berbicara sendiri. (Agak menarik untuk dicatatkan bahawa beberapa tahun kemudiannya masalah alam sekitar "Batu Caves" dan krisis "Endau — Rompin" menjadi tajuk-tajuk kontroversial yang didebatkan dengan ghairahnya dalam akhbar-akhbar tempatan).

Pada tahun 1973 juga Puan Nirmala mengemukakan satu karya konseptual yang kompleks untuk pertandingan *Man and his World* anjuran Muzium Seni Negara. Ianya memaparkan dokumentasi fotografi tentang satu tempat di Kuala Lumpur yang dikajinya untuk beberapa bulan. Juga dikemukakan rajah, carta dan lain-lain maklumat berkaitan tempat tersebut, dahulu dan sekarang. Lebih penting, beliau membawa bersamanya ke galeri contoh-contoh tersebut untuk dimasukkan sebagai sebahagian dari 'pernyataan'nya. Karya yang mendedahkan keterlibatan pelukis sepenuhnya kepada karyanya itu telah dianugerahkan Hadiah Utama. Bagi Puan Nirmala, penerimaan anugerah tersebut meyakinkan bahawa senilukisnya harus mencerminkan isu-isu sosial.

Dari rakaman alam yang tercemar, Puan Nirmala beralih kepada dokumentasi sistematik tentang kehidupan kanak-kanak yang menduduki kawasan-kawasan setinggan yang lebih miskin di Kuala Lumpur. Sekali lagi penglibatannya dengan fotografi amat penting. Ianya juga dilengkapi dengan carta-carta maklumat yang mendedahkan pendapatan bulanan ibu bapa kanak-kanak tersebut dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan sosial ini. Karya-karya ini sebagai sebahagian dari satu siri belum lagi dipamerkan kepada umum. Pada penghujung tahun 1975 Puan Nirmala mengikuti suaminya ke Oxford selama tiga tahun.

DARI segi estetik, hasil karya selepas kepulangannya pada tahun 1978 sebenarnya lebih menarik. Dalam karya-karya ini, beliau berupaya mengadunkan minat awalnya dalam lukisan dan minatnya dalam imej fotografi. Seperti dalam kebanyakan karya seriusnya, terdapat keutamaan diberikan kepada kesan-kesan komposit. Sapuan yang kasar

dan garang dijalinkan dengan imej foto — saring sutera (*photo — silk screen*) dengan bertenaga dan mengganggu. Lebih penting lagi, beliau telah menekankan sifat ikonik imej-imej kontemporari ini ketika memilih imej-imej dari akhbar dan media massa. Buah fikiran dalam karya-karya terbaru ini menumpu kepada pandangan universal dan mengenai kesan-kesan peperangan serta revolusi. Tajuk-tajuk asal dari akhbar juga dimasukkan dalam karya-karya tersebut untuk mencabar penonton memasuki 'situasi'nya. Pada pandangan saya, imej-imej terbaru pada kanvas ini merupakan sebahagian dari yang paling mengganggu yang berhasil dalam karya-karya senilukis Malaysia setakat ini. Apa yang menyebabkan ianya amat mengganggu ialah pelukis telah menekankan kesengsaraan kaum wanita dan kanak-kanak yang kerap menjadi mangsa peperangan dan revolusi.

Afrika II, 1980 (koleksi pelukis) diilhamkan dari peperangan di Ethiopia dan berkisar kepada soal penderitaan manusia. Teknik foto — saring sutera membenarkan pelukis mengulangi imej-imej yang sama beberapa kali dengan kesan yang dramatik. Satu sistem grid yang ketat memantapkan kedudukan imej-imej. Sapuan-sapuan garang memuncakkan tingkat emosional. Imej perempuan tua Ethiopia yang menggerunkan adalah satu metafora yang boleh ditafsirkan dalam banyak cara.

Vietnam 1980 (koleksi Redza Piyadasa) adalah satu pernyataan seni mengenai kekejaman perang Indochina. Sekali lagi, ini adalah karya komposit. Imej-imej tertentu dari Vietnam yang membawakan kepentingan ikonik dalam media massa telah dicetak beberapa kali melalui proses saring sutera. Warna hitam/putih sengaja digunakan. Ia menambahkan lagi hakikat yang menyeramkan tentang keadaan sengsara seperti itu. Imej besar yang utama dalam olahan ini ialah tentang seorang ibu bangsa Vietnam. Pada dahinya ialah stensilan bahan akhbar tentang pembicaraan perang yang terkenal di Nuremberg, Jerman pada akhir Perang Dunia Kedua. Pelukis mengemukakan satu persoalan moral dan etikal yang penting: Kenapa Amerika yang mengutuk penjenayah perang Nazi ketika pembicaraan di Nuremberg, kemudiannya meledakkan bom napalm ke atas kampung-kampung orang Vietnam? Dalam karya-karya keterlibatan sosial yang bertenaga seperti karya ini Nirmala Shanmughalingam telah mula membuka dirinya sebagai salah seorang dari pelukis Malaysia yang lebih menarik pada ketika ini. □

Terjemahan A. Latiff Ali

Nirmala Shanmughalingam akan mengadakan pameran lukisan perseorangan di Dewan Bahasa dan Pustaka dari 9 — 16 Januari 1981 dan dibuka dari pukul 10 pagi — 6 petang. Pameran ini anjuran bersama Muzium Seni Negara dan majalah Dewan Budaya.